

BULETIN FAKTA

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA



BELIA DI MASA HADAPAN

oleh : Dr. Asma Abdullah & Shahhanim Yahya



ACADEMIC ATTACHMENT PROGRAM (ACAP) IYRES *Didalam!*

Belia pencorak masa depan

Belia di Malaysia didefinisikan sebagai Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun. Belia merupakan generasi pewaris negara. Belia yang mencorakkan masa depan negara. Oleh yang demikian, golongan belia perlu dipersiapkan dari segi mental, fizikal dan spiritual bagi memastikan berupaya mengekalkan pencapaian dan kemakmuran negara serta sentiasa berusaha untuk membangunkan negara. Malaysia semakin hampir menuju Wawasan 2020 di mana golongan belia masa kini merupakan pemacu utama pembangunan negara. Wawasan 2020 telah mensasarkan Malaysia diiktiraf sebagai negara maju yang mempunyai matlamat yang tinggi dalam pembangunan ekonomi, sosial, politik dan lain-lain lagi. Kemajuan Malaysia berlandaskan acuan sendiri tanpa meniru mana-mana negara maju lain. Perpaduan menjadi teras utama dalam mencapai Wawasan 2020. Sebagai belia yang mempunyai rasa sayang dan cinta akan negaranya maka inspirasi bagi merealisasikan Wawasan 2020 perlu disematkan dalam minda dan jiwa setiap warganegara terutamanya golongan belia.

Pelbagai cabaran dan rintangan perlu dihadapi dalam usaha mempersiapkan golongan belia di masa hadapan dan usaha secara kolaboratif oleh pelbagai pihak sangat diperlukan bagi memastikan Malaysia terus mencapai kejayaan dan merealisasikan impian untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju. Antara ciri negara maju adalah kadar pengangguran yang rendah terutamanya dalam kalangan tenaga mahir dan separuh mahir. Tahun 2015 merupakan era transisi pembangunan belia di Malaysia menjelang Rancangan Malaysia Ke-11 dan tahun 2015 mencatatkan sejarah bahawa Malaysia dilantik sebagai pengerusi ASEAN.

Peranan ini sangat penting bagi menjayakan Komuniti ASEAN melalui tiga tunggak utama iaitu Komuniti Keselamatan ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN dan Komuniti Sosio Budaya ASEAN. Belia Malaysia wajar mengambil peluang kepengerusan ini bagi menggarap potensi ekonomi, potensi jaringan hubungan antara negara-negara ASEAN dan peluang-peluang lain dalam pembangunan belia.

Tahun 2015 juga mencatatkan sejarah apabila Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN 1997) dikemaskini dan ditambahbaik menjadi Dasar Belia Malaysia (DBM) serta telah dilancarkan oleh YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia sempena Hari Belia Negara pada 15 Mei 2015 yang lalu. Golongan belia, pihak berwajib dan pemegang taruh belia perlu menyahut cabaran bagi mempersiapkan diri ke arah pembangunan belia yang kompetitif sejajar dengan matlamat DBM. Usaha bersepadu secara maksimum dan efektif berupaya mempersiapkan generasi belia dalam menempuhi cabaran pembangunan pada masa akan datang. DBM merupakan sumber rujukan utama dan komprehensif untuk pembangunan belia. Pembentukan DBM merupakan usaha bersepadu dan kolaboratif dari pelbagai kementerian, agensi dan pemegang taruh pembangunan belia.

DBM mempunyai matlamat utama untuk “memperkuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan berbandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara”.

Belia perlu hayati patriotisme

Sempena sambutan kemerdekaan Malaysia yang bertemakan “Sehati Sejiwa”, rakyat Malaysia terutamanya golongan belia perlu menjiwai serta menterjemahkan semangat patriotisme melalui tindakan yang membuktikan bahawa golongan belia mempunyai rasa cinta dan sayang akan tanah air tercinta. Generasi X dan Y merupakan pewaris kepimpinan negara pada masa akan datang. Walaupun terdapat jurang antara generasi namun, semangat patriotisme merapatkan jurang dan merealisasikan kesepaduan atas matlamat yang sama demi pembangunan Malaysia. Generasi X dan Y lebih sinonim dengan generasi yang mempunyai literasi teknologi yang baik dan kekuatan ini perlu digunakan ke arah usaha untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Walau bagaimanapun Generasi X dan Y perlu memperkuhkan jaringan hubungan secara natural berbanding secara maya bagi mempertingkatkan potensi jaringan hubungan.

Selain itu, generasi X dan Y merupakan generasi yang mempunyai matlamat kehidupan yang tinggi, namun untuk merealisasikan matlamat yang disasarkan maka mereka harus membangunkan intelektual dan fizikal secara seimbang.

Kebolehpekerjaan tidak hanya bergantung kepada kelulusan akademik yang dimiliki malah faktor sahsiah dan nilai tambah seperti kemahiran komunikasi dan bahasa yang baik juga berupaya meningkatkan peluang untuk mendapat pekerjaan. Pasaran pekerjaan kini mendambakan calon-calon yang komprehensif dari segi mental, fizikal dan spiritual. Belia yang kompetitif bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah mempunyai potensi lain dari segi cemerlang sahsiah dan spiritual. Belia yang kompetitif juga perlu menerapkan semangat patriotisme dan perpaduan dalam dan mempunyai rasa kepunyaan (*sense of belonging*) tidak mengira bangsa, agama mahupun latar belakang yang berbeza. Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 58 tahun dan belia pada masa hadapan bertanggungjawab untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara serta sentiasa berusaha untuk membangunkan negara pada masa kini dan akan datang.

Keluarga dan ibu bapa sangat perlu memainkan peranan utama dalam mempersiapkan golongan belia di masa hadapan. Ibu bapa perlu mempunyai kemahiran dan teknologi seiring dengan golongan belia bagi memantau dan membendung masalah penyalahgunaan teknologi dalam kalangan belia. Pembangunan kemahiran dan teknologi berperanan menambah nilai kehidupan manusia terutamanya golongan belia yang lebih cenderung dalam literasi sains dan teknologi seperti gajet dan komputer. Kebolehan bersaing dalam kalangan belia perlu seiring dengan perkembangan sains dan teknologi bagi memastikan kebolehan dan kemahiran mereka masih relevan. Strategi dan inisiatif untuk mempersiapkan belia pada masa hadapan merupakan tanggungjawab secara bersepadu antara kementerian, agensi, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pemegangtaruh belia. Tahun 2016 merupakan tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Kesebelas dan kurang dari lima tahun Malaysia akan merealisasikan Wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju. Pelan tindakan bagi mempersiapkan belia pada masa hadapan perlu dibentuk dalam usaha merealisasikan matlamat dan impian negara terhadap golongan belia sebagai pewaris negara di masa hadapan.

Sidang Editorial

PENAUNG

YB. Encik Khairy Jamaluddin
Menteri Belia Dan Sukan Malaysia

PENASIHAT

Tn. Haji Adnan Abu Hassan
Pengerusi Lembaga Pengarah IYRES

KETUA PENGARANG

Dr. Wasitah Hj Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif IYRES

PENOLONG KETUA PENGARANG

Dr. Aishah Hj Kasa

KETUA EDITOR

Azura Abidin

EDITOR

Shariffah Mamat

PENOLONG EDITOR

Siti Khadijah Hassan

SIDANG PENGARANG

Mastura Mohamad
Shahhanim Yahya
Asnida Abdul Hamid
Mohd Rizal Mohd Sham
Mohd Saiful Nizam Mohd Zahri
Noor Afifah Johari
Norati'qah Talib
Norhidayah Omar
Nuurul Mizaan Ya'cob
Shah Romnizam Ramli

PEMASARAN

Nadya Shaffinaz Bajuri
Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor
Noor Sheila Mhd Nasir
Muhammad Zahid Alif Abdul Aziz

www.iyres.gov.my

T : 03-8871 3705

F : 03-8871 3342

BULETIN FAKTA



SURVIVAL BELIA

CETUSAN CEO IYRES



Buletin Fakta Edisi 3/2015 bertemakan 'Survival Belia' yang membawa maksud kemampuan belia Malaysia menuju masa hadapan. Semakin kita melangkah ke hadapan golongan belia dilihat semakin terpengaruh dengan budaya global. Kita juga boleh menyaksikan pelbagai alat elektronik, hiburan, kegiatan seni, makanan dan minuman, serta bacaan dari luar membanjiri pasaran tempatan. Globalisasi tambah, memudahkan nilai dan budaya luar mempengaruhi generasi muda, menjadikan mereka lebih global.

Apabila kita tebarkan pandangan kita ke masa hadapan, kita akan melihat dunia teknologi dan kebolehpasaran kerja akan menjadi lebih terhad. Oleh kerana pembangunan negara dan perbandaran, teknologi dan kegunaannya akan menjadi lebih intensif dalam gaya hidup kita dan di tempat kerja. Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, dan jika dilihat belia Gen Y, mereka dibesarkan dalam keadaan yang lebih mewah berbanding belia terdahulu menjadikan mereka lebih terdedah dengan dunia kecanggihan gajet dan teknologi (Dr. Asma Abdullah, 2015).

Dalam sisipan *Fact Sheet* ada disediakan statistik *Gadget-Obsessed Malaysians* yang menunjukkan majoriti rakyat Malaysia termasuk golongan belia memiliki gajet. Dengan globalisasi yang semakin memecahkan segala tembok sepadan, perasaan sepunya turut terhakis.

Nilai patriotisme dan tindak tanduk yang bertunjangan kepentingan nasional sudah tentu terpaksa bersaing hebat dengan pengaruh global yang semakin meluas.

Negara maju bukan sahaja terletak pada kekuatan ekonomi dan kepesatan teknologi, tetapi nilai patriotisme juga turut memberikan peranan yang sangat penting dan perlu sentiasa dipertingkatkan. Dalam artikel "Patriotisme dan Belia Masa Hadapan" ada memetik isu berkaitan nilai patriotisme belia untuk dijadikan renungan para pembaca sekalian.

Survival Belia, membawa para pembaca untuk meramal dan bersiap sedia ke arah pembentukan belia di masa hadapan yang rata-rata kajian merumuskan nilai patriotisme yang kian menurun di kalangan belia. Semoga dengan terbitan kali ini mampu membantu belia untuk terus hidup (*survive*) dalam negara maju seiring dengan nilai patriotisme yang mantap. Salam Kemerdekaan. Sehati Sejiwa dan Selamat Hari Malaysia.

drwasitah@iyres.gov.my



Sebaran Maklumat (IT)

Apakah yang dimaksudkan dengan digital? Apakah hubungkaitnya dengan gaya hidup belia?

Digital merupakan satu teknologi data yang menggunakan nilai-nilai diskrit yang bukan dalam bentuk analog. Gaya hidup digital (*digital lifestyle*) adalah istilah yang seringkali digunakan untuk menggambarkan gaya hidup moden yang sarat dengan teknologi informasi (IT). Perkembangan teknologi dan pemodenan gaya hidup telah membantu masyarakat dalam pelbagai aspek terutamanya kepada golongan belia. Belia-belia sekarang lebih cenderung mencari peluang untuk menambah nilai ilmu pengetahuan, kemahiran dan pendapatan melalui internet di mana saluran pencarian maklumat dan peluang pemasaran adalah meluas dan tanpa had.

(**Penembusan yang melebihi 100% boleh berpunca daripada pelanggan yang melanggan melebihi daripada satu langganan).

BELIA DAN GAYA HIDUP DIGITAL

Oleh : Noor Afifah Johari




KADAR PENEMBUSAN MEDIA

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) :kadar penembusan bagi Suku 1 2014 .

Sebanyak 67.3% melalui Jalur Lebar, 43.7% melalui Telefon Selular dan 31.8% melalui Talian Ibusawat Terus.

Data ini berdasarkan 23.5 juta penduduk di Malaysia.



Jalur Lebar Telefon Selular Talian Ibusawat Terus

MASIH ADAKAH NILAI PATRIOTISME BELIA MALAYSIA?

Oleh : Shariffah Mamat & Siti Khadijah Hassan



Patriotisme membawa maksud individu yang mencintai dan mempertahankan kedaulatan negaranya dengan erti kata lain pembela negara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Bersempena bulan kemerdekaan negara yang akan disambut pada setiap 31 Ogos setiap tahun, maka nilai patriotik ini dilihat sangat relevan untuk dijadikan santapan minda pembaca khususnya kepada golongan belia.

Golongan belia merupakan golongan yang bakal mewarnai corak peradaban bangsa pada masa hadapan. Utusan Malaysia bertarikh 20 Ogos 2014 menyentuh berkenaan Indeks Patriotisme di kalangan belia yang telah mencatatkan skor rendah iaitu purata 3.8 antara setuju dan tidak setuju. Hasil dapatan ini mencerminkan tahap semangat cintakan negara secara relatifnya berada pada tahap yang merisaukan.

Perkara ini memberikan tanggungjawab besar kepada belia hari ini untuk menjana pembangunan bangsa, negara dan agama. Ketika usia belia (15-25 tahun) dianggap sebagai tempoh waktu yang penting bagi tujuan pembentukan generasi pelapis. Sehubungan itu, golongan belia hari ini digesa untuk tidak terlibat malah menjauhkan diri dalam sebarang penglibatan dalam ideologi pemikiran yang bersikap

etnosentrisme yang ekstrem. Sebaliknya, generasi belia perlu disemaikan dengan rasa kewajipan untuk bersatu padu dalam usaha memupuk semangat patriotisme terhadap negara Malaysia demi kelangsungan kedamaian dan kemakmuran negara ini untuk diwariskan kepada belia masa hadapan. Menyahut tema kemerdekaan tahun ini "Sehati Sejiwa" baik kaum Melayu, Cina, India dan kaum minoriti yang lain perlu memahami dan meyakini bahawa melalui sikap toleransi, sayangi dan cintakan negara perlu wujud sehati dalam diri setiap daripada diri kita sepanjang masa. Perbezaan pandangan dan ideologi politik adalah merupakan satu acuan membina kematangan yang perlu difahami dengan jelas oleh golongan belia, namun dalam membicarakan soal semangat patriotisme dan sayangi negara kita, kita perlu berdiri sebagai satu bangsa yang bersatu padu dan kuat.

Kini, terdapat pelbagai medium penyaluran percambahan dan perkembangan patriotisme khususnya di kalangan generasi muda, maka patriotisme semakin mendapat perhatian luas masyarakat.

Malahan menjadi suatu tuntutan nasional yang mendesak. Pelbagai idea dan rancangan diwujudkan untuk memupuk patriotisme menghusus dalam kalangan belia.

Tidak perlu kita menilai mahupun mencurigai kesetiaan orang lain andai cinta dan setia kita sendiri terhadap negara ini masih lemah. Kesinambungan daripada pengorbanan dan jerih payah pejuang terdahulu berjuang mempertahankan kemerdekaan negara kini beralih menjadi peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh generasi belia pada hari ini amat besar harganya bagi memastikan keutuhan dan keharmonian serta keamanan yang telah dikecapi negara terus terpelihara dan dilindungi. Selamanya merdeka di hati Belia Malaysia.

PENGHAYATAN DAN KESEDARAN PATRIOTISME BELIA MALAYSIA

Oleh : Shariffah Mamat



Hasil kajian oleh sekumpulan penyelidik dalam kajian Penghayatan dan Kesedaran Patriotisme dalam kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (Mohd. Khairul, et al. Malaysian Journal of Youth Studies, Edisi 8, IYRES, 2013) terhadap 1010 orang belia remaja yang berusia di antara 17 tahun hingga 21 tahun mendapati bahawa majoriti kelompok belia ini mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap semangat patriotisme (83.5%) serta mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap patriotisme (83.1%). Kajian ini turut mendapati bahawa wujud perbezaan pengetahuan, persepsi dan pemahaman jika dilihat mengikut kaum Melayu, Cina dan India serta Bumiputera Sabah dan Sarawak berhubung dengan penghayatan patriotisme.

Menurut Mohd. Khairul, et. al, 2013, elemen asas yang perlu diberikan perhatian dalam usaha membina sebuah negara bangsa ialah pemupukan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan seluruh rakyat tidak mengira tua muda, kecil besar mahupun miskin atau kaya. Menurut Walter (MJYS, 2013), menyifatkan patriotisme ini merupakan satu perasaan cinta, bangga dan sedia berkorban untuk negara. Sejajurnya pada sambutan Hari Kebangsaan ke 58 pada tahun 2015, seberapa ramai dalam kalangan generasi belia negara kita yang boleh memberikan rasa kesediaan mereka untuk berkorban demi tanah air bernama Malaysia ini? Dalam konteks mengisi kemerdekaan ini, penghayatan semangat patriotisme dan nasionalisme tidak terbatas dengan kesediaan dan kesanggupan seseorang warganegara untuk berkhidmat mengangkat senjata bagi mempertahankan negara.

Namun, lebih daripada itu menagih kesediaan dan kesanggupan dalam pelbagai aspek kehidupan merangkumi menguasai bidang ekonomi, pendidikan, kebudayaan, sukan dan elemen-elemen pembangunan diri dalam setiap daripada warganegara.

Kebelakangan ini, kedaulatan negara kita Malaysia banyak menerima cabaran dan ujian dalam menyaksikan sejauhmana keteguhan setiap baris golongan belia tanpa mengira kaum mempertahankan kedaulatan tanah air yang dicalarkan dalam pelbagai sudut. Pencerobohan di Lahad Datu, penghinaan terhadap Jalur Gemilang, kejatuhan ekonomi dan sebagainya adalah sebahagian daripada cabaran dan ujian yang dihadapi oleh golongan belia pasca kemerdekaan ini. Bertunjangan kepada rasa cinta yang kuat kepada tanah tumpah darah bernama Malaysia ini maka, segala cabaran dan ujian ini dapat diatasi dengan suasana yang aman damai, penuh toleransi sedamai bagaimana kemerdekaan ini diperoleh. Sesungguhnya bentuk ujian serupa ini semakin memamatkan dan mendewasakan golongan belia yang pada hari ini menjadi model pengisian kemerdekaan. Satu pesanan kepada belia daripada seorang tokoh negara, *"Apabila generasi muda sekarang ini menjadi dewasa, negara semakin dekat menghampiri tahun 2020 dan mereka adalah tenaga muda dalam pemerintahan negara, sektor awam dan swasta. Mereka bertanggungjawab mencetuskan tenaga raksasa untuk kita teruskan perjuangan bangunkan negara bagi 50 tahun akan datang, oleh itu, teruslah bersedia dan teruslah bekerja untuk bangsa dan negara"*. (Abdullah Ahmad Badawi, Jelajah Belia, 2007).

BAHANA BELIA TERHADAP PENGARUH MEDIA SOSIAL

Oleh: Muhammad Zahid Aliff Abd Aziz



Kuala Lumpur, 11 Julai 2015 - Belia berkumpul di Dialog Intelktual Belia: Belia & Pengaruh Media Sosial bagi membuka peluang kepada para peserta terutama kepada generasi muda untuk menyuarakan pandangan, maklum balas mahupun reaksi berkaitan isu Media Sosial secara meluas dalam kalangan belia.

Oleh hal sedemikian, dengan inisiatif Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan jawatankuasa penganjuran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan *Multimedia Development Corporation* (MDEC) bagi bersama-sama menjayakan Dialog Intelktual Belia ini bagi menyediakan platform kepada golongan belia dalam merungkaikan isu yang dekat dengan golongan belia sebagai kelompok pengguna media sosial terbesar. Sesi Dialog Intelktual Belia ini merumuskan input yang diterima dari kalangan peserta untuk dijadikan sebuah resolusi untuk diserahkan kepada pihak kerajaan agar diketengahkan sehingga ke peringkat Nota Jemaah Menteri.

Penyerahan resolusi diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IYRES, Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof bersama wakil belia kepada Timbalan Ketua Setiausaha Antarabangsa & Pengurusan KBS, Tuan Lokman Hakim Bin Ali.



13 resolusi hasil daripada Dialog Intelktual Belia : Belia & Pengaruh Media Sosial telah dipersetujui oleh peserta yang hadir iaitu :

- 01** Golongan belia MESTI melihat konteks (kandungan, objektif, kepentingan dan sebagainya) maklumat/ informasi yang disebarkan agar tidak menyalahi undang-undang;
- 02** Golongan belia MESTI mengesahkan dan menyemak kesahihan/kebenaran sesuatu maklumat/berita/informasi yang diperolehi sebelum disebarkan kepada orang lain;
- 03** Golongan belia MESTI melaporkan sebarang jenayah siber kepada pihak-pihak berwajib dan *social media provider* untuk mengelakkan salahguna media sosial dan mengelakkan sebarang jenayah berulang;
- 04** Golongan belia DISARANKAN agar menggunakan platform media sosial kepada perkara yang boleh dijadikan manfaat kepada diri sendiri dan juga orang lain;
- 05** Golongan belia MENYARANKAN agar pihak kerajaan menyemak semua strategi, tindakan dan undang-undang yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi penyebaran maklumat yang tidak sah;
- 06** Golongan belia MENGGESA pihak kerajaan untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang terhadap kerahsiaan maklumat peribadi melalui transaksi/ urusan secara *online*;
- 07** Golongan belia MENYARANKAN agar pihak kerajaan memberikan pen-erangan berkenaan undang-undang siber bagi meningkatkan kesedaran dan literasi belia terhadap penggunaan media sosial;
- 08** Golongan belia MENGGESA pihak Kerajaan menggubal polisi yang khusus dan terperinci berkaitan penggunaan media sosial yang tidak menyalahi undang-undang;
- 09** Golongan belia MESTI melihat konteks (kandungan, objektif, kepentingan dan sebagainya) maklumat/ informasi yang disebarkan agar tidak menyalahi undang-undang;
- 10** Golongan belia MENGGESA pihak Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan untuk membuat tapisan terperinci ke atas sebarang informasi bagi mengatasi masalah jenayah siber;
- 11** Golongan belia MENGESYORKAN agar pihak kerajaan menyalurkan semua dasar dan polisi kerajaan melalui media sosial;
- 12** Golongan belia MESTI melihat konteks (kandungan, objektif, kepentingan dan sebagainya) maklumat/ informasi yang disebarkan agar tidak menyalahi undang-undang;
- 13** Golongan belia MESTI melihat konteks (kandungan, objektif, kepentingan dan sebagainya) maklumat/ informasi yang disebarkan agar tidak menyalahi undang-undang;

Oleh : Shah Romnizam Ramli




Penulis : En. Mohd Ismail Mustari
 Tajuk : Menjadi Belia Cemerlang: Belia Adalah Aset Negara Yang Perlu Digilap Potensi Mereka
 Penerbit : PTS Profesional
 Ulasan : Shah Romnizam Bin Ramli

Menjadi belia cemerlang bertujuan membantu belia dan pelbagai pihak yang berkaitan, menggilap potensi intelek, fizikal, emosi dan spiritual belia. Kehebatan tokoh-tokoh yang ditonjolkan di dalam buku ini memaparkan daripada sudut pandangan ilmu pengetahuan, sikap sedia berkorban dan keyakinan tinggi sewajarnya dihayati oleh belia.

Buku ini juga turut membincangkan persoalan belia daripada aspek:

- Pengertian dan pandangan para sarjana
- Tokoh-tokoh belia yang berjaya
- Kemahiran yang diperlukan
- Perkembangan sahsiah: Teori dan Faktor Pengaruh
- Kajian masalah



Author : Larry K. Brendtro, Martin Brokenleg, Steve Van Bockern
 Title : Reclaiming Youth At Risk: Our Hope For the Future
 Publisher : Solution Tree Press
 Reviewer : Shah Romnizam Ramli

Youth from difficult circumstances need someone to throw them a lifeline since it is very difficult to pull oneself up by one's own boot strings. Without help, too many young persons will drop out of school, become involved in substance abuse, and increase the population in jails.

A great deal of violence happens among youth who feel that their lives will end in a cul-de-sac. They may come from depressed communities and lack father figures or caring adults. Without human comforts and outlets for wholesome recreation, they may turn to drugs for excitement and seek status or security in guns and knives. They desperately want to count but take shortcuts to gaining respect. Then family or surrounding must help this youth in need not as problems but as individuals with potential to share if they are given the opportunity.

TERKINI @ IYRES

ACADEMIC ATTACHMENT PROGRAM (ACAP) IYRES

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
 SEPT 2014



KUMPULAN SASAR

Berikut digariskan profil pengambaran ahli akademik dan scholar dalam bidang pembangunan belia sebagai syarat-syarat penempatan di IYRES. Antaranya adalah sebagaimana berikut :

1. Syarat utama adalah dalam kalangan individu yang mempunyai kelayakan akademik bermula Ijazah Kedoktoran (PhD) menghusus dalam sesuatu bidang.

2. Keutamaan diberikan kepada ahli akademik yang sedang menjalani cuti sabatikal

3. Terbuka kepada ahli akademik dan professional menghusus dalam bidang pembangunan belia

4. Keutamaan diberikan kepada ahli akademik yang menjalani sabatikal dari mana-mana institusi pendidikan

5. Berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan khusus dalam bidang pembangunan belia

6. Terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja.

7. Penempatan bersifat sepenuh masa dan separuh masa



Puisi Pedoman Jati Diri

Yang patah akan tumbuh,
 Yang hilang akan berganti,
 yang berputik kian mekar,
 yang mekar kian mewangi dan mewarnai pertiwi.

Bangunlah dan bangkitlah beliaiku,
 Semarakan semangat juangmu,
 Tebarkan keringat dan jasamu,
 Dunia terbentang luas ini menanti dan menagih baktimu.

Siap sedia beliaiku,
 Cabaran menunggumu di setiap penjuru,
 Berkat pengetahuanmu,
 Walau apa jua mendatang, bukan lagi batu penghalang.

Itulah beliaiku,
 Bersemangat, cekal jiwa, yakin diri,
 Teruskanlah,
 Seiringkanlah langkah perjuanganmu
 Membawa negara menuju mercu
 Buat bekal generasi penerus mu.

Nukilan: ShaSM, 2007

Oleh : Mastura Mohamad & Nora'tiqah Talib



5 KEY FACTS ABOUT YOUNG MALAYSIAN


FACT #1 THE SMARTPHONE IS THEIR BESTFRIEND

Close to 100% of young Malaysians own a smartphone. This goes beyond just smartphone obsession, as they love being digitally-connected constantly



FACT #2 YOUNG MALAYSIANS ARE DISCERNING & SCEPTICAL OF INFORMATION PROVIDED

With easy and infinite information at their fingertips, they actively verify information from multiple sources, be it from the internet, traditional media or conversations with their families and friends.




FACT #3 THE VIEWS OF FAMILIES & FRIENDS MATTER MOST

Young Malaysians make decisions about their career options, finances and purchases based in their families and friends recommendations and advice.



FACT #4 YOUNG MALAYSIANS WANT TO GO ABROAD

Give them a ticket and they are ready to go. A total of 70.4% of respondents want to migrate overseas to work, signalling the continuing brain drain dilemma in the country. Many expressed that they are attracted by the opportunities abroad while 30.8% of them are encouraged to migrate following their families advice.



FACT #5 MAJORITY FEEL ILL-EQUIPPED FOR THE WORKFORCE

Future graduates identified poor language and interpersonal skills as their weaknesses. These skills gaps are seen as hindering their career opportunities and progression.





GADGET-OBSESSED MALAYSIANS

carry a smartphone



own at least one tablet



own more than one smartphone



own a laptop

FINANCIAL EMPOWERMENT FOR MALAYSIAN YOUTH

only



have saving accounts



undertake monthly financial budgeting



plan to open a savings account in the next 5 years

A higher percentage of Malays (28%) is not aware of savings account. This compares to around 7% of Chinese and Indian respondents.

Source : Youth Perspectives Book, 2015